

Malaysia Building Society Bhd. beri bantuan kewangan

Tawar 105% pembiayaan

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 SEPT.

APABILA bercerita mengenai perancangan untuk membeli rumah, pastinya timbul pelbagai rungutan dalam kalangan masyarakat mengenai kesukaran memiliki rumah disebabkan harga yang tinggi dan kesukaran mendapatkan kelulusan pinjaman untuk membelinya.

Penolakan pinjaman untuk membeli rumah selalunya dikaitkan syarat pinjaman yang terlalu ketat serta komitmen yang ditanggung oleh bakal pembeli.

Walaupun institusi perbankan dilihat aktif dalam membantu masyarakat untuk membolehkan mereka membeli rumah yang dilihat sebagai aset paling penting dalam kehidupan seseorang, namun sebagai bakal pembeli rumah, kita perlu melihat dan memilih institusi yang menawarkan pinjaman perumahan terbaik.

‘Terbaik’ yang dimaksudkan boleh dinilai dalam pelbagai cara

termasuk, pakej yang disediakan, kadar faedah mahupun syarat-syarat yang ditawarkan.

Malaysia Building Society Bhd. (MBSB) dilihat serius membantu meringankan bebanan bakal pembeli rumah dengan menawarkan skim pinjaman terbaik dan membeli lebih nilai dalam kewangan seseorang.

Pengalaman selama 67 tahun dalam sektor kewangan membolehkan institusi perbankan ini menawarkan pembiayaan sehingga 105 peratus termasuk perlindungan takaful dan fi kepada pemilik rumah yang layak menerusi pakej Skim Rumah

Pertamaku.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MBSB, Datuk Seri Ahmad Zaini Othman berkata, MBSB yang ditubuhkan pada 1950 memegang peranan penting dalam menyokong dan mengaplikasikan polisi kerajaan terutamanya dalam usaha untuk menyediakan dan menguruskan kemudahan pembiayaan kewangan bagi perumahan mampu milik.

Selain itu katanya, MBSB juga bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara dengan

Perkhidmatan yang ditawarkan

1. Perniagaan Runcit

- Pembiayaan Peribadi-i
- Pembiayaan Hartanah
- Pengurusan Kekayaan
- Pembiayaan Hartanah Komersial

2. Perniagaan Korporat

- Pembiayaan Kontrak
- Pembiayaan Pembangunan Hartanah
- Pembiayaan Korporat
- Pembiayaan Hartanah Komersial
- Pembiayaan Peralatan-i
- Pengurusan Projek dan Hartanah

3. Pembiayaan Wholesale

- Inisiatif Kewangan Swasta
- Perniagaan Berstruktur

Tambah Ahmad Zaini, peranan MBSB telah berkembang maju kepada sebuah pembiaya kewangan dengan produk dan perkhidmatan yang lebih inovatif termasuk memulakan pelan dan aktiviti utama bagi memastikan proses penggabungan dengan Asian Finance Bank (AFB) berjalan lancar.

“MBSB menyambut baik kelulusan penggabungan ini oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Ini adalah berita positif yang ditunggu-tunggu oleh pihak berkepentingan terutamanya pemegang saham dan kakitangan MBSB.

“Berkenaan penggabungan ini, kami sudah membuat perancangan untuk pelan integrasi agar ianya akan berjalan lancar kelak,” jelasnya.

mewujudkan kemudahan pembiayaan kewangan untuk pemaju perumahan bagi membiayai pembangunan hartanah di seluruh negara.

“Dalam perkembangan terbaru, MBSB membiayai lebih daripada 20 projek perumahan mampu milik seperti Projek Perumahan Awam 1 Malaysia (PPA1M), Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Rumawip) dan Rumah Selangorku,” katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.



AHMAD ZAINI
OTHMAN



MBSB sentiasa komited merancang pelbagai strategi perniagaan dalam usaha memperluaskan pinjaman kepada mereka yang memerlukan.